

Taman rekreasi JPS dahulu ceria, kini terbiar



Tempat rehat di tebing Sungai Anak Bukit **dijadikan 'rumah' gelandangan** sejak kira-kira tiga bulan lalu.

[FOTO RAHMAT OTHMAN /BH]

Alor Setar

Taman rekreasi Pesisiran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Sungai Anak Bukit, di sini, tidak lagi menarik seperti suatu ketika dahulu.

Keadaannya kini sudah jauh berubah apabila persekitarannya ditumbuhi semak-samun, manakala laluan pejalan kaki pula banyak yang pecah. Selain itu, besi penghadang laluan juga hilang dipercayai dicuri pihak tidak bertanggung jawab.

Tempat tinggal gelandangan

Tambah menyedihkan, tempat pengunjung untuk berehat tidak dapat digunakan kerana menjadi tempat tinggal dan menyimpan barang dipercayai milik gelandangan sejak tiga bulan lalu.

Seorang pengunjung, Mohamad Ibrahim Mohd Din, 60, berkata kawasan rekreasi itu terbiar walaupun pernah menjadi tumpuan ramai terutama kaki pancing dan riadah.

"Beberapa tahun lalu, saya dan rakan sering singgah memancing di situ. Kawasannya memang mena-

rik kerana terletak tidak jauh dari bandar, selain tidak mengganggu orang ramai.

"Namun, kini ada gelandangan menetap di sini dan kita berharap pihak berkuasa dapat melakukan sesuatu kerana ia menjejaskan kawasan itu," katanya.

Tarik semula pengunjung

Mohd Khazali Zakaria, 23, berkata, kawasan itu pasti akan dikunjungi semula orang ramai jika kemudahan yang rosak dibaik pulih dan dijaga sebaiknya.

"Sangat menyedihkan apabila sebahagian tempat berehat dipecahkan, besi penghadang jalan juga hilang dipercayai dicuri pihak tertentu. Kita harap JPS dapat melakukan sesuatu supaya kawasan ini menarik perhatian," katanya.

Sementara itu, Jurutera Daerah JPS Kota Setar, Nazri Hamzah ketika dihubungi berkata, sebelum ini pesisiran sungai itu sudah dibersihkan melalui peruntukan tahunan dan pihaknya menambah peruntukan bagi meningkatkan prasarana kawasan



Kita ada rancangan untuk mengindahkan persekitaran di situ kerana kawasan itu berpotensi dan menarik"

Nazri Hamzah,
Jurutera Daerah
JPS Kota Setar

itu, selain menambah beberapa peralatan lain yang akan diuruskan kemudian.

"Kita ada rancangan untuk mengindahkan persekitaran di situ kerana kawasan itu berpotensi dan menarik. Mengenai gelandangan pula, tempat rehat itu akan dibersihkan dan tidak sepatutnya dijadikan tempat tinggal," katanya.